



**PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan, dipelawa untuk memohon jawatan di Perbadanan Labuan seperti berikut:-

JAWATAN	:	PEMANDU KENDERAAN		
GRED	:	H11		
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA		
TARAF JAWATAN	:	TETAP		
BILANGAN KEKOSONGAN	:	2 KEKOSONGAN		
JADUAL GAJI	:			
		Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
		RM1,218.00	RM2,939.00	RM80.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Memiliki :
 - (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

- (ii) lesen memandu kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - (iii) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini. Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:
 - Lesen D – RM1,264.15
 - Lesen E/E1/E2 – RM1,310.30
 - Lesen F/H – RM1,356.45
 - Lesen G/I – RM1,402.60
- d) Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki **Lesen E Full**

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a) Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati dengan datang sendiri ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Menara Perbadanan Labuan, W. P. Labuan. Maklumat jawatan kosong serta Borang Permohonan Jawatan juga boleh didapati melalui Laman Web: **www.pl.gov.my**
- b) **Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar, salinan kad pengenalan, sijil lahir pemohon, ibu dan bapa pemohon, sijil-sijil persekolahan, sijil berhenti sekolah, sijil kegiatan luar, kelulusan akademik dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah dari salinan asal;**
- c) Pemohon hendaklah bebas daripada apa-apa rekod jenayah, tidak menggunakan atau mengambil apa-apa dadah berbahaya serta tiada masalah penyakit kronik yang boleh menjejaskan prestasi kerja.
- d) Permohonan yang **lewat, tidak lengkap seperti yang dinyatakan di para (b) dan (c) di atas atau tidak mengikut syarat-syarat** tersebut akan ditolak;

- e) Pihak Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan penghantaran borang permohonan jawatan.

PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP IKLAN

Permohonan hendaklah sampai kepada :

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN LABUAN
MENARA PERBADANAN LABUAN
TINGKAT 11, JLN OKK AWANG BESAR
PETI SURAT 81245
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
(U.P: JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

Bil. Fail Rujukan : PL/PSM/500-9/3
No. Talian Perhubungan : 087 – 581817, 581816, 581815
Sebelum atau pada : **21 Jun 2022**

CATITAN

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan akan dipanggil temu duga.
2. Sekiranya pemohon yang tidak menerima panggilan untuk sesi temu duga selepas tiga (3) bulan daripada tarikh iklan ditutup, permohonan mereka adalah tidak berjaya.
3. Sekiranya pemohon yang dijemput hadir temu duga tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan daripada tarikh temu duga diadakan, permohonan mereka adalah tidak berjaya.
4. Perbadanan Labuan boleh melanjutkan tempoh validasi borang permohonan sehingga tempoh yang ditetapkan.